

Tingkatkan lagi peranan sains dan teknologi di negara ini — PM

SHAH ALAM 9 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak semua pihak khususnya sektor awam, sektor swasta, institusi pengajian tinggi dan para pekerja supaya melipatgandakan tenaga ke arah mempertingkatkan lagi peranan sains dan teknologi di negara ini.

Beliau menegaskan, penggunaan sains dan teknologi secara meluas akan melahirkan kaedah-kaedah yang efektif dalam konteks pembangunan sosio ekonomi Malaysia pada keseluruhannya.

"Pembangunan saintifik dan teknologi kita yang berterusan akan menjadikan asas kepada pewujudan sebuah masyarakat Malaysia yang maju daripada segi teknologi menjelang tahun 2020," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan demikian semasa berucap merasmikan kilang Matsushita Air-Conditioning Corporation Sdn. Berhad, Matsushita Compressor and Motor Sdn. Berhad dan upacara meletak batu asas untuk Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Matsushita Air-Conditioning di sini petang ini.

Serentak dengan itu, beliau berkata, sektor swasta perlu memainkan peranan yang lebih besar kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam usaha Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian yang maju.

"Kegiatan R&D yang dijalankan oleh sektor swasta masih kecil malah aktiviti R&D banyak tertumpu kepada sektor pertanian yang lazimnya dibuat oleh institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan kerajaan seperti MARDI, SIRIM dan PORIM.

"Oleh itu, kita perlu berpancang jauh ke hadapan dalam usaha-usaha R&D dan bagi kerajaan ia akan terus menyediakan infrastruktur asas dan iklim yang sesuai bagi pembangunan R&D," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, aktiviti R&D yang lebih tertumpu kepada sektor pertanian adalah berpunca daripada asas sektor pembuatan sendiri yang sempit serta kekurangan kakitangan yang mempunyai latarbelakang akademik dan latihan yang cukup dalam bidang itu.

Beliau menjelaskan, daripada 13,605 orang tenaga kerja dalam bidang R&D di negara ini pada tahun 1989, hanya 1,835 atau 13.48 peratus merupakan daripada sektor swasta.

"Walaupun R&D memerlukan kita mengeluarkan perbelanjaan

yang besar pada jangka panjang tetapi ia memberi faedah kepada kita.

"R&D bukan saja meningkatkan mutu keluaran barang-barang Malaysia tetapi juga dapat meningkatkan kelebihan dari segi persaingan di pasaran antarabangsa," katanya. Beliau menaruh harapan bahawa sektor pembuatan akan menyumbang sebanyak 37 peratus kepada keluaran dalam negara kasar dan 81 peratus kepada jumlah eksport Malaysia menjelang tahun 2020.

Sektor ini, katanya, dijangka membuka peluang pekerjaan kepada 836,000 orang rakyat atau 36 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan baru dalam masa 10 tahun akan datang.

Menyentuh tentang Syarikat Matsushita, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa syarikat itu telah mencapai satu kejayaan yang membanggakan da-

lam pengeluaran penghawa dingin apabila mengatasi angka pengeluaran sebanyak 5 juta unit pada awal tahun ini.

"Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan kerana ia membuktikan keupayaan dan kebolehan pekerja Malaysia dalam bidang pembuatan.

"Dengan latihan yang cukup, berdisiplin, kesanggupan bekerja kuat dan komitmen, pekerja-pekerja Malaysia boleh menjadi tenaga penting dalam usaha kita menjadi sebuah negara perindustrian maju," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyanjung tinggi usaha Syarikat Matsushita mendirikan pusat R&D di negara ini.

Menurutnya, dengan tertubuhnya pusat sedemikian, Malaysia mungkin menjadi pengeluar dan pengeksport penghawa dingin yang terulung di dunia.